

30/09/1997

Dr Mahathir tiba di Chile

SANTIAGO, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rombongan tiba di sini petang semalam untuk lawatan rasmi tiga ke Chile, negara kedua dalam jadual kunjungannya ke Caribbean dan Amerika Latin.

Ketibaaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Arturo Merino Benitez kira-kira jam 5.30 petang semalam (5.30 pagi waktu Malaysia) disambut Menteri Luar Chile, Jose Miguel Insulza.

Ini adalah lawatan rasmi kedua Dr Mahathir ke sini. Kali pertama ialah pada 1991.

Acara pertama lawatan Perdana Menteri bermula hari ini dengan memberi penghormatan di Tugu Kebangsaan Alter de la Patria sebelum diberi sambutan rasmi oleh Presiden Chile, Eduardo Frei RuizTagle.

Selain mengetuai mesyuarat delegasi tengah hari ini, Dr Mahathir melancarkan Projek Usaha Sama San Bernardo, yang dimajukan oleh Pertubuhan Selatan-selatan Malaysia (Masscorp) dan konsortium Chile.

Esok beliau akan berucap pada pembukaan Mesyuarat Ke-12 Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC) dan melawat Pirque, bagi menyaksikan permulaan projek usaha sama syarikat Malaysia-Chile.

Sementara itu di HAVANA pagi semalam, Presiden Cuba, Fidel Castro menghantar sendiri Dr Mahathir ke tangga pesawat khas rombongan Malaysia untuk mengucapkan selamat jalan, yang menurut pegawai Cuba jarang dilakukan oleh pemimpin itu kepada pelawat asing lain.

Kemesraan Castro dengan Dr Mahathir terbukti di sepanjang lawatan empat hari Perdana Menteri dan rombongan ke Cuba. Selain mengadakan perbincangan sekali lagi di Istana Revolusi malam kelmarin, Castro juga mengunjungi Dr Mahathir di hotel penginapan pagi semalam sebelum bersama ke lapangan terbang.

(END)